

27.4.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh YAB TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

PULAU PINANG PERLU SKIM PENYALURAN AIR MENTAH LEBIH CEPAT

- **Fasa 1 Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) mesti ditauliahkan menjelang tahun 2025.**

PULAU PINANG, Sabtu, (27.4.2019): Pulau Pinang sedang mencari penyelesaian pantas bagi cadangan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah memaklumkan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) bahawa Fasa 1 SPRWTS mesti ditauliahkan menjelang 2025.

Ketika ini, satu-satunya sumber air mentah Pulau Pinang adalah Sungai Muda, dan ia adalah sumber yang dikongsi bersama dengan Kedah.

Unjuran menunjukkan Sungai Muda boleh memenuhi keperluan air mentah untuk kedua-dua Kedah dan Pulau Pinang hanya sehingga tahun 2025.

Justeru, adalah penting bagi SPRWTS untuk dimulakan secepat mungkin. Kita sudah kesuntukan masa.

Pulau Pinang dan PBAPP telah membuat permohonan SPRWTS sejak tahun 2011. Walau bagaimanapun, dalam tempoh 2012 – 2018, Kerajaan Persekutuan terdahulu gagal melaksanakan projek itu.

Sekarang memandangkan Pakatan Harapan menerajui Kerajaan Persekutuan, Pulau Pinang sedang mencari kelulusan dan pelaksanaan segera untuk SPRWTS.



Air Mentah, Air Terawat atau Penyelesaian Hibrid

Pada 1.3.2019, wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Perak mengadakan pertemuan dengan pegawai dari Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) di Putrajaya.

Kedua-dua Pulau Pinang dan Perak berminat meneroka Sungai Perak sebagai sumber air mentah akan datang. Bagaimanapun, sementara Pulau Pinang ingin mendapatkan air mentah dari Sungai Perak, Perak berminat untuk menjual air terawat dari Sungai Perak kepada Pulau Pinang.

Hasilnya, KATS telah bersetuju untuk menjalankan kajian teknikal untuk menentukan pilihan terbaik untuk faedah kedua-dua pihak: Cadangan air mentah Pulau Pinang, cadangan air terawat Perak atau cadangan “hybrid” ketiga... menggabungkan pemindahan air mentah dan air terawat kepada infrastruktur bekalan air Pulau Pinang dan Perak .

Pulau Pinang sedar pentingnya usaha wajar berkenaan kajian teknikal KATS. Bagaimanapun, kajian perlu diselesaikan dengan segera supaya Kerajaan Persekutuan, Pulau Pinang dan Perak mencapai persetujuan dengan lebih cepat .

Oleh itu, Kerajaan Negeri, Ahli Parlimen Pulau Pinang dan PBAPP akan memberi tumpuan untuk mengingatkan KATS dan Kerajaan Persekutuan tentang kepentingan dan keperluan SPRWTS.

Rasional untuk SPRWTS

Pulau Pinang sangat memerlukan sumber air mentah kedua atau alternatif, untuk memenuhi permintaan air yang semakin meningkat. Penggunaan air negeri adalah 840 juta liter sehari (MLD) pada tahun 2018; dan dijangka mencapai 1,884 MLD menjelang 2050.

SPRWTS adalah solusi terbaik kerana:

1. Ia merupakan projek yang akan memanfaatkan dua buah negeri iaitu Pulau Pinang dan Perak.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs



2. Ia boleh menjamin bekalan air di Pulau Pinang dan Perak Utara sehingga tahun 2050. Dengan kata lain, ia adalah penyelesaian yang berpanjangan.
3. Kos pembangunannya adalah lebih rendah berbanding kos pembangunan untuk kitar-semula air, projek penuaian air hujan dan penyahgaraman pada skala yang sama.
4. Dari segi kos operasi, SPRWTS adalah lebih menjimatkan kos daripada kitar-semula air, penuaian air hujan dan penyahgaraman.
5. Memandangkan ia merupakan projek penyaluran air mentah antara negeri, sebahagian dari SPRWTS akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Sila ambil perhatian bahawa kos pembangunan projek pembekalan air dan kos operasi PBAPP akan memberi kesan langsung ke atas tarif air; dan Pulau Pinang mesti memastikan bahawa tarif airnya adalah berpatutan.

Walaupun terdapat air yang mencukupi untuk menyokong keperluan harian rakyat dan aktiviti sosio ekonomi hari ini, kita perlu juga memikirkan masa depan.

SPRWTS adalah keutamaan kerana buat kali pertama dalam sejarah Pulau Pinang, kita akan mempunyai sokongan sumber air mentah utama untuk menjamin keselamatan air sehingga tahun 2050.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my